

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan kelulusan projek menaik taraf Lapangan Terbang Miri yang telah dipohon oleh Kementerian Pengangkutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Miri telah disenaraikan oleh pihak Kementerian Pengangkutan di bawah *Rolling Plan 5*, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP5 RMK-12) Tahun 2025 sebagai salah satu projek Kementerian yang perlu diberi keutamaan untuk dilaksanakan. Kelulusan permohonan projek ini adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan dan kemampuan Kerajaan Pusat.
2. Cadangan projek naik taraf ini antara lain akan melibatkan pertambahan kapasiti terminal daripada 2.0 juta penumpang setahun (*million passenger per anum* – mppa) kepada 3.0 mppa. Pada tahun 2019, LT Miri telah mengendalikan 2.4 mppa di mana ianya telah melebihi kapasiti sedia ada sebanyak 20%.
3. Skop-skop kerja yang terlibat bagi cadangan projek naik taraf LT Miri kelak akan meliputi pembesaran dan naik taraf bangunan di kawasan *Rural Air Services* (RAS), penambahan kaunter daftar masuk (*check in*), pejabat baharu bagi Jabatan-Jabatan Kerajaan dan syarikat penerbangan, papan tanda dan penunjuk arah, kerja-kerja penambahbaikan di tingkat pertama balai pelepasan, penerapan elemen-elemen *Industrial Revolution* (IR) 4.0, penambahan *passenger boarding bridge* dan *Baggage Handling System* (BHS) yang baharu.

Sekian, terima kasih.